

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 MAC 2022
AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4

Usaha kerajaan bantu rakyat

Jelajah aspirasi Keluarga Malaysia beri maklumat dan khidmat kepada orang ramai

Usaha kerajaan bantu rakyat

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
fadhlullah.adnan@mediamula.com.my

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia memudahkannya rakyat di setiap negeri mendapatkan maklumat terus mengenai bantuan dan perancangan yang ditawarkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, agensi Kerajaan Persekutuan menerusi perkhidmatan kaunter bergerak disediakan pada program jelajah itu bagi membolehkan rakyat mendapatkan maklumat dan perkhidmatan yang diperlukan.

"Menerusi Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia, kementerian-kementerian melalui agensi masing-masing disaran melakukan penglibatan seperti menyelesaikan isu-isu yang tertangguh di peringkat negeri sebulan sebelum hari jelajah yang dirancang.

"Hasil atau pencapaiannya kemudian dinyatakan semasa Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia yang dijadualkan di negeri berkenaan" katanya ketika melancarkan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Dataran Angsana Johor Bahru Mall, semalam.

Program jelajah itu diadakan susulan sambutan gemilang acara 100 Hari Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) sebelum ini dan kini diperluaskan jelajah di peringkat



ISMAIL Sabri Yaakob (tengah) melancarkan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Johor yang bertujuan memberi perkhidmatan secara terus kepada rakyat di Dataran Angsana, Johor Bahru, semalam. - MINGGUAN/FARIZ RUSADIO

negeri dengan Johor menjadi negeri pertama.

Dalam pada itu Ismail Sabri berkata, segala yang dirancang sama ada dari segi bantuan dan skim kepada rakyat pastinya tidak akan berjaya dalam keadaan politik yang tidak stabil.

"Di peringkat Persekutuan, insya-Allah kita bekerjasama dengan semua pihak termasuk pembangkang, maka kita telah berjaya mewujudkan kerajaan yang stabil ketika ini seperti yang dititah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-

Mustafa Billah Shah.

"Saya percaya Johor juga memerlukan kerajaan negeri yang stabil supaya setiap perancangan oleh Menteri Besar dapat direalisasikan," katanya.

Sementara itu Perdana Menteri memberitahu, nilai jualan seba-

nyak RM186,191 secara keseluruhan berjaya direkodkan pada program tersebut yang bermula Khamis lalu.

"Segmen Jualan Usahawan yang melibatkan 150 gerai itu turut merekodkan jualan sebanyak RM130,447.40," ujarnya